



**PEKELILING  
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
BIL.8 TAHUN 2012**

---

**SYARAT - SYARAT LESEN PENGENDALI KENDERAAN BARANGAN BERKENAAN  
SPESIFIKASI KENDERAAN, JENIS BARANGAN YANG DIBENARKAN DIBAWA DAN  
KEADAAN BARANGAN YANG DIBAWA SEBAGAI SYARAT LESEN PENGENDALI  
KENDERAAN BARANGAN JENIS TIPPER/DUMPER YANG BEROPERASI DI  
SEmenanjung Malaysia**

**SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
SEmenanjung Malaysia**

**TARIKH: 25 SEPTEMBER 2012**

Semua Persatuan Pengendali Perkhidmatan Kenderaan Barang di Semenanjung Malaysia  
Semua Pengendali Berlesen Perkhidmatan Kenderaan Barang di Semenanjung Malaysia  
Semua Pejabat SPAD Negeri  
Agensi-agensi Kerajaan Yang Berkenaan

**SYARAT - SYARAT LESEN PENGENDALI KENDERAAN BARANGAN BERKENAAN SPESIFIKASI  
KENDERAAN, JENIS BARANGAN YANG DIBENARKAN DIBAWA DAN KEADAAN BARANGAN  
YANG DIBAWA SEBAGAI SYARAT LESEN PENGENDALI KENDERAAN BARANGAN JENIS  
TIPPER/DUMPER YANG BEROPERASI DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan spesifikasi kenderaan, jenis barang yang dibenarkan dibawa dan keadaan barang yang dibawa yang akan dijadikan syarat lesen pengendali kenderaan barang jenis tipper/dumper (melibatkan kenderaan tegar dan kenderaan bersendi) yang beroperasi di Semenanjung Malaysia.

**PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

2. Syarat-syarat lesen pengendali berkenaan spesifikasi kenderaan, jenis barang yang dibenarkan dibawa dan keadaan barang yang dibawa kenderaan barang jenis tipper/dumper tersebut akan berkuatkuasa mulai tarikh berkuatkuasanya pekeliling ini.
3. Tujuan syarat-syarat lesen pengendali kenderaan barang jenis tipper/dumper ini diperkenalkan adalah untuk:
  - a. memastikan kenderaan yang beroperasi adalah mengikut kelulusan asal semasa dilesenkan bagi memastikan keberkesanan peralatan teknikal semasa operasi;

- b. memberi penjelasan berkenaan tatacara penggunaan kenderaan barang jenis tipper/dumper untuk jenis barang yang dibenarkan;
  - c. mempertingkatkan aspek keselamatan dan aspek fizikal kenderaan barang yang beroperasi di Semenanjung Malaysia;
  - d. mengurangkan kerosakan jalanraya akibat daripada membawa muatan yang berlebihan; dan
  - e. mengurangkan kadar bilangan kenderaan barang yang menyumbang kepada kemalangan dan pencemaran alam sekitar.
4. Berikut adalah syarat-syarat lesen pengendali kenderaan barang jenis tipper/dumper:

(a) Spesifikasi Kenderaan

Ketinggian panel sisi (sideboard)	a. Had maksima ketinggian panel sisi bagi kenderaan barang jenis tipper/dumper adalah seperti berikut:										
	<table border="1"><thead><tr><th>BDM/BGK</th><th>Panel sisi (mm)</th></tr></thead><tbody><tr><td>2,501 kg &lt; BDM/BGK &lt; 5,999 kg ( jarak roda ≤ 2,500 mm)</td><td>406</td></tr><tr><td>2,501 kg &lt; BDM/BGK &lt; 5,999 kg ( jarak roda &gt; 2,500 mm )</td><td>305</td></tr><tr><td>6,000 kg &lt; BDM/BGK &lt; 20,999 kg</td><td>610</td></tr><tr><td>BDM/BGK ≥ 21,000 kg</td><td>762</td></tr></tbody></table>	BDM/BGK	Panel sisi (mm)	2,501 kg < BDM/BGK < 5,999 kg ( jarak roda ≤ 2,500 mm)	406	2,501 kg < BDM/BGK < 5,999 kg ( jarak roda > 2,500 mm )	305	6,000 kg < BDM/BGK < 20,999 kg	610	BDM/BGK ≥ 21,000 kg	762
BDM/BGK	Panel sisi (mm)										
2,501 kg < BDM/BGK < 5,999 kg ( jarak roda ≤ 2,500 mm)	406										
2,501 kg < BDM/BGK < 5,999 kg ( jarak roda > 2,500 mm )	305										
6,000 kg < BDM/BGK < 20,999 kg	610										
BDM/BGK ≥ 21,000 kg	762										
	b. Bagi <u>kelulusan khas</u> pengubahsuaian dan penambahan panel sisi, berikut adalah syarat-syarat pengendalian kenderaan tersebut:										

	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pemasangan ‘detachable railing with wiremesh’ yang tidak melebihi ketinggian panel sisi sedia ada adalah dibenarkan untuk jenis barang yang berasaskan hasil pertanian sahaja.</li> <li>ii. Pemasangan panel sisi yang lebih tinggi dari ukuran yang diluluskan di dalam pelan teknikal kenderaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) adalah dibenarkan, tertakluk kepada had maksima ketinggian panel sisi iaitu 1524mm mengikut jenis barang yang dikhaskan untuk kenderaan barang jenis tipper/dumper tersebut.</li> </ul>
<b>Had muatan (berat dan saiz)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Had maksima muatan tidak boleh melebihi berat dengan muatan (BDM) yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).</li> <li>b. Bagi kenderaan bersendi, BDM yang dibenarkan untuk ditarik oleh penggerak utama/penarik pada bila-bila masa hendaklah tidak melebihi BDM penggerak utama atau treler yang mana lebih rendah.</li> <li>c. Muatan yang dibawa hendaklah tidak melebihi paras ketinggian panel sisi (sideboard) yang diluluskan oleh JPJ.</li> </ul>
<b>Panjang Keseluruhan Kenderaan</b>	Hendaklah menurut peruntukan yang terkandung di dalam Kaedah 10, Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan & Penggunaan) 1959 dan pekeliling Jabatan Pengangkutan Jalan, Bil.3/1990.

(b) Jenis barang yang dibenarkan dibawa

<p>Jenis barang yang dibenarkan dibawa</p>	<p>a. Jenis barang yang dibenarkan dibawa kenderaan barang jenis tipper/dumper yang mempunyai panel sisi tidak melebihi 762mm adalah:</p> <p>i. serbuk dan ketulan yang terdiri daripada bahan mineral dan galian seperti tanah laterit, tanah gembur, tanah liat, pasir, batu karang, kapur, batu kapur atau kuarzit, turf, guano, batu atau granit, jubin, marmar, simen, serbuk silica, syal, amang atau bahan-bahan seumpamanya; dan</p> <p>ii. bijirin dan barang berderai seperti jagung dan seumpamanya.</p> <p>b. Jenis barang yang dibenarkan dibawa kenderaan barang jenis tipper/dumper yang mempunyai ‘wiremesh railing’ adalah:</p> <p>i. barang tidak berderai seperti tandan kelapa sawit dan seumpamanya;</p> <p>ii. barang buangan seperti dahan, ranting kayu dan seumpamanya (syarat ini hanya untuk kenderaan tegar sahaja); dan</p> <p>iii. jenis barang atau muatan yang dinyatakan di dalam pelan teknikal kenderaan tersebut yang diluluskan oleh JPJ.</p>
--	--

	<p>c. Jenis barang yang dibenarkan dibawa bagi kenderaan barang jenis tipper/dumper yang mempunyai panel sisi melebihi 762mm adalah tertakluk kepada jenis muatan yang dinyatakan di dalam pelan teknikal kenderaan tersebut yang diluluskan oleh JPJ iaitu seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. serbuk kayu;</li> <li>ii. papan Gypsum;</li> <li>iii. hasil pertanian (berbentuk partikel halus);</li> <li>iv. buah kelapa sawit (berbentuk halus);</li> <li>v. besi buruk; dan</li> <li>vi. sebarang barang yang berbentuk partikel halus.</li> </ul> <p>d. Jenis atau bentuk barang yang dibenarkan dibawa hendaklah yang bukan dalam bentuk bungkusan atau ‘palletized’ karton atau kotak.</p>
--	--

(c) Keadaan barang yang dibawa

Keadaan barang yang dibawa	<p>a. Barang yang dibawa hendaklah ditutup sepenuhnya dengan kain tarpaulin atau seumpamanya. Barang yang dibawa tidak boleh berada dalam keadaan terdedah dan membahayakan pengguna jalanraya yang lain semasa beroperasi di atas jalan raya.</p> <p>b. Sekiranya barang yang dibawa basah atau berair, kenderaan berkenaan hendaklah dilengkapi dengan penakung air untuk memastikan air tidak menitis diatas jalan raya.</p>
----------------------------	---

	c. Serpihan dari barang atau partikel muatan yang dibawa tidak boleh bercinciran semasa beroperasi.
--	---

(d) Dokumen Operasi

Dokumen Operasi	<p>Dokumen-dokumen yang hendaklah dibawa oleh pengendali atau pemandu kenderaan barang semasa kenderaan sedang beroperasi adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. salinan lesen pengendali (disahkan oleh SPAD);</li> <li>ii. permit asal kenderaan;</li> <li>iii. salinan syarat lesen;</li> <li>iv. cukai jalan yang sah;</li> <li>iv. lesen memandu kenderaan barang yang sah;</li> <li>v. perakuan pemeriksaan PUSPAKOM (DISC);</li> <li>vi. pelan teknikal kenderaan yang diluluskan oleh JPJ (bagi kenderaan kelulusan khas); dan</li> <li>vii. jika berkenaan, salinan dokumen kebenaran atau permit dari pihak berkuasa atau agensi-agensi berkenaan seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang yang sedang berkuatkuasa.</li> </ul>
-----------------	---

**TINDAKAN**

5. Semua persatuan dan pengendali berlesen kenderaan barang jenis tipper/dumper perlulah mengambil tindakan dan memaklumkan semua ahli-ahli persatuan, pemandu dan pihak-pihak yang terlibat untuk mematuhi arahan ini.

## **TARIKH KUATKUASA**

6. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 25 September 2012.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



(AZHAR BIN AHMAD)  
Ketua Pegawai Operasi  
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat  
**25 SEPTEMBER 2012**